

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

JAWATAN : PEMBANTU MAKMAL (C19)

Fakulti : FAKULTI SAINS KESIHATAN, KAMPUS SHAH ALAM

Status : Lantikan Secara Kontrak (1 Tahun)

RINGKASAN JAWATAN

Fakulti Sains Kesihatan, Kampus Shah Alam, Universiti Selangor ingin melantik Pembantu Makmal (C19) bagi mengisi kekosongan jawatan dan keperluan yang terdapat di fakulti dengan kelayakan akademik seperti berikut:

SYARAT KELAYAKAN :

PEMBANTU MAKMAL (C19)

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh lantikan jawatan;
3. Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
4. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
5. Mempunyai pengetahuan asas penggunaan komputer (Microsoft Word dan Microsoft Excel);
6. Boleh mengurus dan menyelia makmal di fakulti dengan baik; dan
7. Mempunyai latar belakang dalam bidang sains, kesungguhan dan kegigihan untuk mempelajari sesuatu perkara yang baru merupakan satu kelebihan.

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran pasport terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae* (CV) yang mengandungi maklumat berikut :
 - i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;

- ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
- iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat antarabangsa;
- iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.

b) Permohonan perlu dihantar ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan

Kampus Bestari Jaya

45600 Bestari Jaya ,Selangor

Tel : 03-3280 5068 / 03-3280 5071

- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **30 Ogos 2024**
- e) Lain-lain:
 - i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.